

Angkasa sasar lima lagi pusat dialisis

Sinar Harian (m/s 41) 24/02/2018

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menyasarkan untuk menambah lima lagi pusat dialisis di lima negeri tahun ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pembukaan pusat dialisis di lima negeri itu akan membantu lebih ramai pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan dengan bayaran perkhidmatan yang lebih murah, selain kemudahan pengangkutan turut disediakan.

"Kita telah kenal pasti lima negeri iaitu di Sabah, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang dan Melaka sebagai tambahan kepada dua Pusat Dialisis My Angkasa sedia ada iaitu di Temerloh, Pahang serta Alor Setar, Kedah.

"Kita jangkakan tambahan lima pusat dialisis dengan kos RM1 juta setiap satu ini bagi memenuhi sasar-

an sekurang-kurangnya satu pusat dialisis di setiap negeri menjelang 2020.

"Tambahan pusat dialisis ini bagi menampung pertambahan 7,000 pesakit baharu buah pinggang setiap tahun," katanya kepada pemberita selepas memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) selaku Presiden Pertubuhan Koperasi Asean (ACO) bersama Scientillence Sdn Bhd, diwakili Pengurusnya, Tan Sri Lim Tong Yong, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Agung ACO, Datuk Hanapi Suliman dan Pengarah Eksekutif Scientillence Sdn Bhd, Ken Lim.

Perjanjian persefahaman itu dengan kerjasama Koperasi Usahawan Warisan Niaga Selangor (Kowaris) membolehkan Scientillence membekalkan penapis buah pinggang keluaran Jerman dengan kos terendah di 20 pusat



Abdul Fattah (dua, kanan) pada majlis memeterai perjanjian persefahaman antara Pertubuhan Koperasi Asean (ACO) dan Scientillence Sdn Bhd, semalam.

dialisis di bawah koperasi terbabit.

Menerusi MoU itu juga, ACO dan Scientillence akan memasarkan produk terbabit ke negara luar seperti Jepun dan China.

satunya pengeluar penapis buah pinggang tempatan berteknologi Jerman di Asia Tenggara dan turut mengeksport ke negara luar seperti Jepun dan China.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia